

THE MALAY SCHOOL SERIES

No. 64



CHĒRITA LAKUNAN

I



PENYUNTING:

B. L. MILNE

DAN

H. R. CHEESEMAN

DI-MELAYUKAN OLEH

Péjabat Kering-Méngiring

JABATAN PÉLAJARAN

KUALA LUMPUR

楊貴誼珍藏
Koleksi Yang Quee Yee

SINGAPORE

Malaya Publishing House, Limited.

1937

楊貴誼珍藏
Koleksi Yang Quee Yee

BAGAIMANA MENGGUNAKAN BUKU INI.

1. Murid-murid di-suruh bacah perlahan-lahan dahulu mana-mana chërita yang hëndak di-lakukan-nya.
2. Sa-têlah itu guru atau pun murid-murid sendiri mêmilih bahagian-nya masing-masing dalam lakunan itu.
3. Murid-murid mêmibacha chërita itu sambil mëlakun-kan bahagian-nya masing-masing.
4. Murid-murid di-suruh dudok dan guru atau murid-murid sendiri mërenglaskan tiap-tiap satu bahagian lakunan itu.
5. Sa-têlah itu murid-murid pun mëlakunkan chërita itu dêngan mênggunakan chakap-nya sendiri, tidak payah mêngi-kut hêtul-bêtul akan perkataan-perkataan dalam buku ini, têtapi maksud-nya hëndak-lah jangan bërubah.
6. Molek-lali guru-guru mërèkakan sendiri chërita-chërita lain untok di-lakunkan itu, dêngan bërpendukan buku ini.
7. Kadang-kadang mustahak-lah guru mêmilih murid-murid yang akan mêngambil bahagian dalam sa-suatu lakunan supaya murid-murid yang pêmalu dan pëndiam pun akan di-pilihkan-nya juga.

B. L. MILNE.

H. R. CHEESMAN.

ISI-NYA

BAB	MUKA SURAT.
1. Gajah dĕngan Kuching	5
2. Ibu Ayam	12
3. Tiga Orang Budak Miskin	15
4. Raga Emas	18
5. Kambing Si-Ghani	21
6. Orang Bĕrjaja	26
7. Chĕrita Sa-Biji Buah Bĕteĕ	29
8. Kambing Siapa?	33
9. Kuching Di-Nĕgĕri Mĕlayu	37
10. Kĕdai Tukang Jahit	42
11. Lĕbah Dĕngan Kĕrbau	48

GAJAH DENGAN KUCHING

PÉLAKUN-NYA:—

GAJAH

KUCHING

ORANG-ORANG KAMPONG

MASA-NYA: Zaman dahulu.

TĒMPAT-NYA: Di-dalam hutan.

LAKUNAN I. Dĕkat sa-buah sungai. *Kĕluar sa-ekor GAJAH.*

GAJAH. (*Bĕrchakap sa-orang diri*) Lapar bĕnar rasa-nya pĕrut-ku. 'Ta' ada apa yang hĕndak aku makan sa-hari-harian ini.

Kĕluar sa-ekor KUCHING.

KUCHING. Apa khabar, Sang Gajah?

GAJAH. Khabar baik, Sang Kuching.

KUCHING. Apa ĕngkau buat sa-hari-harian ini?

GAJAH. Mĕnchari rĕzĕki ka-sana ka-mari.

KUCHING. Apa yang ĕngkau sudah dapat?

GAJAH. Bĕlum satu apa-apa pun lagi.

KUCHING. Éngkau makan-kah tēbu?

GAJAH. Itu-lah yang aku memang gēmar.

KUCHING. Aku tahu tēmpat ada banyak tēbu.

GAJAH. Di-mana? Tunjokkan-lah kapada aku!

KUCHING. Boleh. Nun di-sēbērang sungai
sana.

GAJAH. Mari kita bērsama-sama pērgi, mahu?

KUCHING. Kalau boleh éngkau bawa aku
mēnyēbērang, mari-lah kita pērgi.

GAJAH. Baik-lah. Aku dukong-lah éngkau
atas bēlakang aku.

KUCHING. Baik-lah.

GAJAH. Lompat-lah ka-atas bēlakang aku!

KUCHING dan GAJAH masuk.

LAKUNAN II. Di-sa-buah ladang tēbu di-sēbē-
rang sungai.

KUCHING. Inī-lah dia ladang tēbu yang aku
katakan tadi.

GAJAH. Amboi! Banyak-nya, haram aku
tidak lahu kēlmarin.

KUCHING. Sēkarang makan-lah puas-puas.

GAJAH. Apa lagi paksa tēkukor-lah padi rēbah.

KUCHING. Makan-lah sa-bĕrapa ĕngkau tĕr-daya.

GAJAH. Aku lapar bĕnar. Aku hĕndak makan kĕnyang-kĕnyang.

KUCHING. (*Bĕrchakap sa-orang diri*) Biar dia makan kĕnyang-kĕnyang. Lĕpas itu aku hĕndak main-mainkan dia. (*Dĕngan suara yang kuat*) Miau! Miaauu! Miaaauuu!

ORANG-ORANG KAMPONG *bĕrlari kĕluar mĕmbawa kayu sa-balang sa-orang.*

ORANG KAMPONG YANG PĒTRAMA. Tĕntu ada orang di-sini. Dĕngar kuching itu mĕngiau kuat.

ORANG KAMPONG YANG KĒDUA. Tĕntu ada pĕn-churi dalam kĕbun ini.

ORANG KAMPONG YANG KĒTIGA. Mari kita bantai dia.

Mĕreka nampak sa-ekor GAJAH.

ORANG KAMPONG YANG PĒRTAMA. Itu dia pĕn-churi!

ORANG KAMPONG YANG KĒDUA. Wah! Gajah rupanya.

ORANG KAMPONG YANG KĒTIGA. Bantai dia!

Mĕreka mĕmalu akan GAJAH itu. GAJAH itu pun lari masok ka-dalam sungai. KUCHING mĕngikul dari bĕlakang.

GAJAH. (*Bërchakap sa-orang diri*) Aku hëndak mēnyëbërang sa-orang diri. Aku tidak mahu mēnanti kuching bédëbah itu lagi.

KUCHING. (*Dari bëlakang*) Nanti-lah aku, Sang Gajah!

GAJAH. Aku tidak mahu nanti.

KUCHING. Jangan-lah begitu. Saya pun hëndak mēnyëbërang juga balek.

GAJAH. (*Tidak bërsunggoh-sunggoh*) Naik-lah lëkas atas bëlakang aku.

GAJAH ilu pun masok ka-dalam sungai hëndak mēnyëbërang.

GAJAH. Ta' patut bëlul ëngkau buatkan aku tadi.

KUCHING. Tidak patut?

GAJAH. Memang-lah ta' patut, ëngkau yang mēmbawa aku ka-situ.

KUCHING. Itu bukan-kah aku sudah buat baik?

GAJAH. Kēmudian mēngapa pula ëngkau nakalkan aku begitu?

KUCHING. Memang tabi'at aku—aku mēngiau bila aku dapat makan sēdap-sēdap.

GAJAH. Tadi ëngkau bukan makan.

KUCHING. Kadang-kadang aku mēngiau juga bila aku pandang orang lain makan.

GAJAH. Biar orang itu kena chelaka?

KUCHING. Apa hendak kata lagi barang sudah terlanjur.

GAJAH. Engkau hendak mandi?

KUCHING. Tidak mahu. Aku tidak sukakan ayer.

GAJAH. Aku hendak mandi. Panas benar rasa-nya badan-ku.

KUCHING. Hantar-lah aku ka-sěběrang sana dahulu. Lěpas itu engkau balek-lah mandi.

GAJAH. Lěpas makan aku memang sělalu mandi. (GAJAH itu pun měrěndamkan dirinya).

KUCHING. Jangan-lah, Sang Gajah!

GAJAH. Amboi sědap-nya mandi!

KUCHING. Jangan-lah buat begitu! Kasehan-lah aku!

GAJAH. Tadi orang-orang kampung itu mě-malu aku. Sěkarang giliran engkau-lah pula měnanggong.

KUCHING. Ta' usah-lah marah, Sang Gajah.

GAJAH. Aku hendak ajar engkau chukup-chukup.

KUCHING. Aku minta ampun. Aku tidak buat lagi.

GAJAH. Ya, chakap sēnang.

KUCHING. Aku bērsumpah bētul-bētul aku tidak buat lagi lain kali.

GAJAH. Apa macham, sēdap mandi?

KUCHING. Tolong! Aku lēmas!

GAJAH. Pandai ēngkau minta tolong, ya!

KUCHING. Sa-kali ini ampunkan-lah aku.

GAJAH. Baik-lah. Sa-kali ini aku ma'afkan-lah ēngkau.

GAJAH itu pun mēmēgang akan KUCHING itu dēngan bēlalai-nya lalu ia mēlemparkan-nya ka-atas darat.

KUCHING. Tērima kaseh, Sang Gajah. ēngkau-lah kawan aku yang sēlalu mēnolong aku.

GAJAH. Memang-lah.

KUCHING. ēngkau sudah sēlamatkan nyawa aku. Aku tidak lupakan sampai bila-bila pun.

GAJAH. Aku harap itu boleh jadi tuladan kapada ēngkau.

KUCHING. Ya, itu bētul.

GAJAH. Baik-lah. Yang sudah itu sudah-lah, jangan kita kēnang-kēnang lagi.

KUCHING. Ya, itu bětul.

Kědua-dua binatang itu sama-sama lěrsěnyum.

GAJAH. Lain kali kalau tidak boleh tahan běrgurau jangan-lah mulakan.

KUCHING. Chakap ěngkau itu aku tidak lupa-

kan.
GAJAH. Bagitu-lah sahaja. Aku hěndak balek; gadoh anak-anak aku di-rumah; Sělamat tinggal.

KUCHING. Sělamat jalan.

TIRAI JATOH

IBU AYAM

PÉLAKUN-NYA:—

IBU AYAM

ANAK-ANAK AYAM

HÉLANG

MASA-NYA: Pada suatu masa.

TÉMPAT-NYA: Pada suatu halaman.

IBU AYAM. Kětak, kětak. Mari lengok apa yang aku dapat ini?

ANAK-ANAK AYAM. Chiap, chiap. Apa bĕnda itu, 'mak?

IBU AYAM. Chaching, chaching gĕmok!

ANAK-ANAK AYAM. Sĕdap makan chaching, 'mak?

IBU AYAM. Sĕdap. Choba rasa sadikit. (*Anak-anak ayam itu pun mula-lah mĕmatok*).

ANAK-ANAK AYAM. Wah, sĕdap-nya chaching ini. Tĕrima kaseh, 'mak.

(*Sa-ekor HÉLANG kĕlihatan lĕrbang mĕn-junam ka-bawah hĕndak mĕnangkap anak-anak ayam itu*)

IBU AYAM. Kětak, kětak. Mari sini chĕpat!

ANAK-ANAK AYAM. Chiap, chiap. Měngapa, 'mak?

IBU AYAM. Hělang datang hěndak měnangkap kamu.

ANAK-ANAK AYAM. Hělang! Apa dia hělang itu, 'mak? Měngapa pula takut akan dia?

IBU AYAM. Hělang burung běsar. Ia gěmar makan anak ayam.

ANAK-ANAK AYAM. Habis, apa hěndak kita buat, 'mak?

IBU AYAM. Mari měnyurok di-bawah kěpak 'mak. (*anak-anak ayam itu pun bėrlari pėrgi měnyurok di-bawah kěpak ibu-nya*) Diam, diam, di-bawah kěpak 'mak; kalau hělang děngar susah nanti kita.

HĒLANG. (*Turun hampir ka-lanah*) Mana dia anak-anak ayam tadi? Aku ta' nampak sa-ekor pun lagi. Lapar-lah juga aku nampak-nya hari ini. (*Tėrbang balek ka-těmpat-nya*)

IBU AYAM. Kětak, kětak. 'Mak ada hěndak chakap sadikit kapada kamu sěmua, 'nak.

ANAK-ANAK AYAM. Apa dia, 'mak?

IBU AYAM. Kamu sěmua sudah běsar. Bělajar-lah měngais chari makan sěndiri.

ANAK-ANAK AYAM. Itu bëtul, 'mak. Kami sëmua mēsti bëlajar mēngais sëndiri.

IBU AYAM. Ingat baik-baik, hëlang itu musoh. Ia gëmar mēnangkap anak-anak ayam. Bila-bila nampak dia, lëkas lari mēnyurok.

ANAK-ANAK AYAM. Baik-lah 'mak. Kami ingat pësan ëmak itu.

IBU AYAM. Chaching, ulat dan padi sëmua-nya elok bëlaka di-makan.

ANAK-ANAK AYAM. Baik-lah 'mak. Kami ingat sëmua-nya itu.

IBU AYAM. Përgi-lah sëkarang chari makanan-mu masing-masing.

ANAK-ANAK AYAM. Chiap, chiap, chiap.

TIRAI JATOH

TIGA ORANG BUDAK MISKIN

PĒLAKUN-NYA:—

HASAN—*Anak tukang kayu*

TIMAH—*Adek pĕrĕmpuan-nya*

HUSIN—*Adek laki-laki-nya*

SA-ORANG PĒRI

MASA-NYA: Zaman dahulu.

TĒMPAT-NYA: Di-dalam sa-buah pondok.

HASAN. (*Mĕmanggil adek pĕrĕmpuan-nya sambil mĕlĕlakkan kayu-nya*) Timah, Oh Timah! Mana ĕngkau! Abang 'dah balek.

TIMAH. (*Kĕluar*) Ya, 'bang. 'Dah lama abang balek?

HASAN. Tidak, baharu sa-kĕjap ini. Itu sa-haja banyak-nya kayu yang abang dapat hari ini. Ambil-lah!

TIMAH. Ya-lah, 'bang. Esok boleh kita jual ka-pĕkan.

HASAN. (*Duduk bĕrsandar*) Amboi, lĕteh bĕnar rasa-nya badan-ku! Apa-lah nasib kita! Apa kita hĕndak buat?

TIMAH. Untong-untong datang-lah përi mënolong kita.

HUSIN. (*Këluar*) Bukan main lapar përut saya. Bëri-lah saya nasi.

TIMAH. (*Mëmëlok adek-nya Husin*) Bëras kita 'dah habis, 'dek. Nanti esok kita bëli lagi. Sëkarang hari pun 'dah malam, tidor-lah.

TIMAH dan HUSIN masok. HASAN dudok lërmënong bër fikir sa-orang diri. Këluar sa-orang PËRI.

HASAN. (*Bërdiri*) Siapa ëngkau ini?

PËRI. Përi! Aku datang hëndak mënolong ëngkau. Minta-lah apa yang ëngkau suka, tiga kali.

HASAN. Saya hëndak roti sa-buku sëbab adek saya lapar.

PËRI. (*Këluar këmudian mëmbawa sa-buku roti*) Nah! Ini përmintaan ëngkau yang përtama.

HASAN. Tërima kaseh banyak-banyak, Përi.

PËRI pun ghaib.

TIMAH. (*Këluar*) Apa bëndanya yang di-atas meja itu, 'bang?

HASAN. Roti. Baharu sa-këjap ini sa-orang përi datang: kata-nya ia hëndak mënolong kita. Jadi abang minta roti kërana Husin lapar.

TIMAH. (*Dengan rupa marah*) Bodoh sangat abang ini! Tidak-kah ada benda lain yang lebih baik daripada roti ini? Biar peri itu gantungkan roti itu ka-hidong abang!

PERI itu pun keluar lagi sa-kali lalu menggantungkan roti itu ka-hidong HASAN.

PERI. Ini permintaan engkau yang kedua.

HASAN. (*Berjalan pergi balek di-dalam rumahnya*) Burok benar rupa-nya muka aku. Aku minta biar-lah peri itu tadi datang tanggalkan roti ini daripada hidong-ku.

PERI pun keluar lalu menanggalkan roti itu dari hidong HASAN.

PERI. Ini permintaan engkau yang penghabisan.

PERI itu pun ghaib.

HASAN, TIMAH dan HUSIN. (*Berpegang-pegangan tangan* Bila peri itu datang balek esok nanti kita minta barang yang baik-baik.

TIRAI JATOH

RAGA EMAS

PĒLAKUN-NYA:—

'ALI
EMAK-NYA
SA-ORANG LAKI-LAKI TUA

MASA-NYA: Pada suatu pagi.

TĒMPAT-NYA: Di-dalam sa-buah dusun.

'ALI balek dari mēmungut buah duku. Raga-nya pĕnoh dĕngan buah duku. Tĕngah jalan ia bĕrjumpa dĕngan sa-orang laki-laki tua.

ORANG TUA. Apa khabar, orang muda? Dari mana ini?

'ALI. Khabar baik, 'tok. Balek dari mēmungut duku di-situ.

ORANG TUA. Banyak dapat?

'ALI. Banyak, choba lihat!

ORANG TUA. Nasib ĕngkau baik. Aku chari sa-biji pun ta' dapat.

'ALI. Mari ikut saya boleh saya tunjokkan tĕmpat-nya.

ORANG TUA. Ta' tērdaya lagi aku bērjalan. Lēteh bēnar rasa-nya.

'ALI. Kalau pēnat, datok ambil-lah duku saya ini.

ORANG TUA. Baik bētul hati ēngkau, orang muda! Tērima kaseh banyak-banyak. Éngkau bērikan aku dēngan raga-nya sa-kali. Éngkau ambil raga aku ini. (*Kēdua-nya pun bērlukar raga*) Aku hēndak bērhēni pēnat di-sini. Aku hēndak makan buah ini.

'ALI. Saya balek dahulu, 'tok. Sēlamat tinggal!

Dalang ēmak Si-'ALI mēnchari dia.

ÉMAK SI-'ALI. 'Li, 'Li, di-mana ēngkau? Kama- mana ēngkau pērgi lama bēnar? Mana dia duku ēngkau chari tadi?

'ALI. 'Dah saya bērikan kapada orang tua tēngah jalan tadi.

ÉMAK SI-'ALI. Nakal bētul budak ini. 'Mak 'dah lama tērnanti-nanti macham 'dah ada dalam mulut 'mak rasa-nya.

'ALI. Saya kasehan orang tua itu. Dia sa-biji pun ta' dapat.

ÉMAK SI-'ALI. Kalau ēngkau 'dah bērikan, sudah-lah.

'ALI. Raga kita pun di-ambil-nya; ini di-bëri-nya raga dia.

EMAK SI-'ALI. Wahi! Raga emas!

'ALI. Emas! Dia salah bëri, mari saya pulang-kan balek pada-nya.

EMAK SI-'ALI. Ya, përgi-lah!

Orang tua ladi mënjëlëma mënjadi sa-orang përi.

'ALI dan EMAK-NYA. Përi, përi rupa-nya.

Përi. Engkau orang baik. Ambil-lah raga emas itu. Raga itu raga sakti. Sëru-lah apa yang engkau hëndak boleh dapat. Sëlamat tinggal!

EMAK SI-'ALI. 'Ali, bëriuah sungguh engkau, anak! Engkau ada raga emas dan sakti pula.

TIRAI JATOH

KAMBING SI-GHANI

PĒLAKUN-NYA:—

GHANI

AMINAH—*istĕri-nya*

SA-EKOR KAMBING JANTAN

SA-ORANG MATA-MATA

MASA-NYA: Zaman sĕkarang.

TĒMPAT-NYA: Dalam taman rumah GHANI.

AMINAH. Jangan balek lambat, ya. Malam karang ramai kawan-kawan kita hĕndak datang. 'Nah hĕndak masak gulai sĕdap-sĕdap malam ini.

GHANI. Baik-lah, saya balek lĕkas malam ini: esok pula chuĕi, saya hĕndak pakai pakaian chantek.

AMINAH. Baharu sudah 'Nah basohkan; ada di-rumah itu. Bila abang 'dah kĕluar sĕkarang 'Nah jĕmorkan.

GHANI. (*Mĕmandang ka-atas*) Banyak buah chiku ini. Bila saya balek saya hĕndak pĕtek; boleh kita bĕri kawan-kawan kita makan.

AMINAH. Bila abang ambil jangan tinggalkan buah itu di-atas tanah, nanti kambing itu churi. Sa-malam di-makan-nya kasut 'Nah sa-bĕlah.

GHANI. Ha! Ha! Ha! Simpan-lah kasut-kau itu di-těmpat yang ta' dapat di-churi-nya.

AMINAH. 'Nah tinggalkan atas tangga bila 'Nah masok ka-rumah.

GHANI. Ha! Ha! Ha! Jangan bėri dia biasakan naik tangga.

GHANI pun kėluar ikut pintu pagar itu lalu bėrjalan mėngikut jalan raya itu. AMINAH pun masok ka-rumah dan sa-bėntar lagi ia kėluar pula mėmbawa kain baju basah lalu di-jėmor-nya. Kain sarong itu warna-nya hijau bėrchurak puleh. Kėmudian AMINAH pun masok balek ka-dalam rumah. KAMBING itu datang mėnyusor sudut rumah itu.

KAMBING. Amboi! Lapar bėnar rasa-nya. Aku dėngar tuan aku bėrbual fasal buah chiku tadi. Kalau boleh-lah aku mėmanjat, alangkah baik-nya.

Ia pun pėrgi-lah ka-pokok itu lalu mėnėngadah.

KAMBING. Tidak sampai. Sėmua-nya buah-buah ini tinggi bėlaka.

Ia pun bėrpaling lalu kėlihatan kain yang bėrjėmor itu.

KAMBING. Amboi chantek-nya! Ini kain tuan aku yang chantek sa-kali. Aku hėndak makan dia. Warna-nya hijau macham daun kayu juga.

Ia pun datang hampir lagi.

KAMBING. Kalau aku makan tentu tuan aku marah. Chantek benar kain ini.

KAMBING itu pun hampir kepada kain itu di-gigit-nya lalu di-larek-nya. Kain itu pun jatuh ka-tanah.

KAMBING. (*Měngunyah*) Bukan main sědap— (*měngunyah*) Bělum pernah lagi aku rasa kain yang bagini sědap. (*sambil měngunyah juga lagi*).

AMINAH kěluar dari rumah-nya dan pěrgi ka-lěmpat ia měnjěmor kain tadi.

AMINAH. Wah! 'Dah ta' ada lagi; ka-mana pěrgi-nya kain itu? Siapa 'dah churi? Tolong! Tolong! Orang churi kain!

Sa-orang MATA-MATA kěluar.

MATA-MATA. Apa kěna?

AMINAH. Orang 'dah měnchuri kain suami saya. Těntu-lah nanti di-marah-nya saya. Tolong-lah tangkapkan pěnchuri itu! Lěkas!

MATA-MATA. (*Měngěluarkan buku pěringatan-nya*) Běrapa orang pěnchuri itu?

AMINAH. Entah-lah, saya 'tak tahu. Barangkali dua puluh orang, barangkali sa-ratus.

MATA-MATA. Sa-ratus! saya ta' pěrchaya.

AMINAH. Běrapa orang pěnchuri itu saya ta' kira. Tětapi dia 'dah churi kain suami saya sa-hělai, chantek pula.

MATA-MATA. Arah ka-mana pěrgi-nya pěnchuri itu?

AMINAH. Saya ta' tahu, tětapi dia-lah měnchuri kain chantek suami saya.

MATA-MATA. Ada ěnche' nampak?

AMINAH. Ta' ada.

MATA-MATA. Habis, bagaimana pula ěnche' tahu kain itu di-churi orang?

AMINAH. Sěbab kain itu tiada lagi di-sini.

MATA-MATA. Apa churak-nya kain itu?

AMINAH. Kain hijau churak puteh.

MATA-MATA. Di-mana di-bubohkan kain itu tadi?

AMINAH. Saya ampaikan di-sini tadi.

MATA-MATA. Kalau ěnche' ampaikan di-sini těntu ada. Saya ta' ada nampak siapa-siapa.

AMINAH. ěntah-lah, tětapi městi ada orang yang měnchuri-nya.

MATA-MATA *itu mēmandang kěliling lalu nampak sa-ekor KAMBING lěngah mēngunyaiah kain itu.*

MATA-MATA. (*Mēnyentakkan kain itu kěluar dari dalam mulut kambing itu*) Ini-kah kain suami ēnche' itu?

AMINAH. Ya, bēnar. Bawa sini!

MATA-MATA. (*Mēnunjok kapada kambing*) Ini dia pēnchuri rupa-nya.

KAMBING *itu lari.*

AMINAH. (*Mēngambil sa-batang kayu lalu di-kějarnya kambing itu*) Kambing chělaka! Nanti aku sēsah!

KAMBING. Beh-h-h-h-h. (*Sambil ia bērlari juga*).

TIRAI JATOH

ORANG BĒRJAJA

PĒLAKUN-NYA:—

AHMAD }
ABU } *Budak-budak sĕkolah*

AH CHONG—*Sa-orang Pĕnjaja Ayer Batu*

MASA-NYA: Zaman Sĕkarang.

TĒMPAT-NYA: Di-sa-buah jalan raya
dĕkat dĕngan sĕkolah.

*AHMAD dan ABU bĕrjalan hĕndak pulang
dari sĕkolah. Kĕdua-nya mĕmbawa buku.*

AHMAD. Panas bĕnar hari ini, ya Abu?

ABU. Ya bĕtul panas. Tĕkak aku pun haus
bĕnar rasa-nya. Kalau dapat ayer batu elok
bĕnar-lah.

AHMAD. Itu pun Ah Chong mĕnjual ayer batu.
Mari kita bĕli ayer batu kĕpal.

Kĕluar AH CHONG.

ABU. Apa khabar Ah Chong? Buatkan saya
dua ayer batu kĕpal!

AH CHONG *mĕmarut ayer batu itu. Abu mĕmĕrhalikan dĕngan chĕrmaal.*

AHMAD. Apa yang ĕngkau pandang itu, Abu?

ABU. Aku mĕmandang ayer batu halus-halus itu jatoh dari parut itu ka-bawah. Bagitu-lah rupa thalji itu.

AHMAD. Mana pula ĕngkau tahu rupa thalji bagitu?

ABU. Tidak-kah ĕngkau ingat lagi chakap Che' gu kĕlika ia mĕngajar kita fasal thalji dahulu.

AHMAD. Oh ya, baharu aku tĕringat.

ABU. Bagitu-lah rupa thalji itu lĕrhampar mĕrata-rata tanah dan atas aiap-atap rumah dan pokok-pokok kayu.

AHMAD. Aku ta' pĕrchaya.

AH CHONG. Memang bĕtul. Di-nĕgĕri-nĕgĕri bahagian sĕjok thalji turun dalam musim dingin. Bapa saya ada pĕrgi ka-utara nĕgĕri China. Dia ada mĕnengok thalji di-sana.

AHMAD. Hati aku tidak mahu pĕrchaya.

AH CHONG. Ini dia ayer batu kĕpal, satu sen saiu.

Masing-masing mĕmbayar harga ayer batu kĕpal-nya lalu hisap.

ABU. Budak-budak Inggëris di-nëgëri-nya tahu hawa di-Malaya ini panas. Mëreka tidak përchaya di-nëgëri kita ini pun ada ayer batu kèpal. Kata mëreka di-sini tērlalu panas hawa-nya.

AHMAD. Bodoh bētul budak-budak itu!

ABU. Èngkau pun dua kali lima juga dëngan budak-budak itu sēbab èngkau tidak përchaya ada thalji.

TIRAI JATOH

CHERITA SA-BIJI BUAH BĒTEK

PĒLAKUN-NYA:—

'ABDULLAH	} <i>Budak-budak sĕkolah</i>
KASIM	
'ABAS	
YUSOF	

SA-ORANG PĒNJAJA BUAH-BUAHAN.
SA-ORANG MATA-MATA.

MASA-NYA: Pukul satu pĕlang.

TĒMPAT-NYA: Di-sa-buah lorong dalam pĕkan.

Kĕluar ĕmpat orang budak-budak sĕkolah.

'ABDULLAH. Heh, buah bĕtek!

KASIM *mĕngutip buah itu.*

'ABAS. (*Mĕnunjok*) Barangkali buah pĕnjaja itu tadi jatoh.

KASIM. Ya, itu dia tĕngah mĕmikul.

YUSOF. Pĕrgi kĕjar dia, Kasim! Pulangkan balek buah-nya.

KASIM. Dia 'dah jauh bĕnar. Ta' hĕndak aku mĕngĕjar dia.

'ABDULLAH. Ya dia sudah jauh. Biar kita ambil buah-nya itu.

KASIM. Bětul, bėrikan buah itu kapada sava.

*ABDULLAH. Mėngapa pula ěngkau hėndak; ini buah aku. Aku yang nampak dahulu.

KASIM. ěngkau nampak dahulu, itu bėul-lah, tėtapi aku yang mėngutip-nya; jadi aku-lah yang punya.

*ABAS. (*Mėngėluarkan sa-bilah pisau*) Janganlah bėrkėlahi. Ini ada pisau, mari kita bahagi-bahagikan buah itu.

YUSOF. Baik-lah, mari kita bėlah ěmpat; kita bahagi sa-orang sa-joreng.

KASIM. (*Mėmasokkan buah bėtek itu ka-dalam saku-nya*) Mana boleh. ěngkau ta'boleh mėmotong-nya. - Aku hėndak sėmua.

*ABDULLAH. Ta' boleh. Itu aku punya. Bawa sini lėkas. (*Ia mėnghulorkan tangan-nya*).

KASIM. Aku ta' mahu bėri. (*Ia bėrjalan hėndak pėrgi*)

*ABDULLAH *mėmėgang KASIM lalu mėnyėlok saku-nya hėndak mėngambil buah bėtek itu. KASIM mėronla.*

YUSOF. Choba pandang! Siapa datang itu?

*ABAS. Mata-mata.

*ABDULLAH. Aku tidak pėduli. Aku hėndak buah bėtek aku.

KASIM. Aku tidak mahu bëri.

YUSOF. Sudah-lah! Nanti kita di-tangkap oleh mata-mata itu di-bawa ka-Rumah Pasong.

'ABAS. Mari kita pulang.

'ABDULLAH. Aku ta' mahu pulang sa-lagi bëlum dapat buah bëtek aku.

Këluar MATA-MATA.

MATA-MATA. Jangan bërkëlahi! Mëngapa ka-mu sëmua bërkëlahi ini?

'ABDULLAH. (*Mënunjok kapada KASIM*) Dia mëngambil bëtek saya.

KASIM. Dia bohong! Buah itu saya punya.

'ABDULLAH. Bënar saya punya.

MATA-MATA. Mana dia buah itu?

KASIM. (*Mëngëluarkan buah bëtek itu dari dalam saku sëluar-nya*) Ini dia.

MATA-MATA. Choba katakan kapada saya siapa sa-bënar-nya yang punya buah ini?

'ABAS. Yang bëtul-nya bagini, ënche' Tëngah kami bërjalan di-isni tadi kami bërjumpa buah itu tëngah jalan.

YUSOF. Tërchichir oleh sa-orang pënjaja buah.

MATA-MATA. Mana dia pënjaja itu?

YUSOF. (*Měnunjok*) Itu dia.

MATA-MATA. Pěrgi panggil dia!

YUSOF masok sa-kělika kěmudian kěluar balek pěrlahan-pěrlahan běrsama-sama děngan ORANG PĒNJAJA BUAH.

MATA-MATA. Hai pěnjaja. Ambil balek buah awak yang těrchichir tadi.

ORANG PĒNJAJA. (*Měngambil buah bėtek itu*)
Těrima kaseh, ěnche'. (*Ia pěrgi*)

MATA-MATA. Baik kamu sěmua pulang. Lain kali jàngan bėrkělahi lagi di-těngah jalan ma-
cham ini.

TIRAI JATOH

KAMBING SIAPA?

PĒLAKUN-NYA:—

CHIK

MAT

DOLLAH—*Mata-mata No. 777*

PANDAI—*Mērinyu*

MASA-NYA: Pada suatu pagi.

TĒMPAT-NYA: Di-Bukit Timah.

LAKUNAN I. Di-sa-buah jalan dalam kampung di-Singapura.

DOLLAH *ia-itu sa-orang mata-mata sĕdang bĕrkawal pĕrgi balek di-situ. Kĕlĕka itu MAT dĕngan CHIK lalu sambil mĕrĕbutkan sa-ekor kambing yang di-ikatkan dĕngan tali.*

MAT. Ini kambing saya! Lĕpaskan tali ini!

CHIK. Mana pula. Ini kambing saya. Awak tangkap dia tĕngah makan di-dĕpan rumah abang saya. Saya nampak awak tangkap dia tadi.

MAT. Bĕrani awak kata saya pĕnchuri, ya? Awak-lah yang mĕnchuri kambing saya. Kĕmudian awak tambatkan di-rumah abang awak. Sudah tiga tahun saya bĕla kambing ini.

CHIK. Saya pēlihara dia sudah tiga puloh tiga tahun!

DOLLAH. (*Yang tēlah mēndēngar pērbalahan antara kēdua-nya itu*) Apa fasal awak bērkēlahi ini?

MAT. Orang ini churi kambing saya, ēnche'.

CHIK. Jangan chakap bohong! Saya 'dah pēlihara kambing ini tiga puloh tiga tahun.

DOLLAH. Engkau pēmbohong bēsar. Mana ada kambing yang boleh hidup sampai tiga puloh tiga tahun! Mari pērgi Rumah Pasong.

Kētiga-tiga-nya masok dēngan mēmbawa kambing itu.

LAKUNAN II.

TĒMPAT-NYA: - Rumah Pasong.

Sa-orang MĒRINYU sibok mēnulis. DOLLAH, MAT dan CHIK maseh mēmēgang lali kambing itu. Mēreka payah mēnghelakan kambing itu masok ka-dalam bilek itu.

DOLLAH. (*Mēngangkat tabek*) Énche', dua orang ini bērkēlahi mērēbutkan kambing sa-ekor. Minta ēnche' tolong sēlēsaikan! Yang sa-orang ini mēngata kambing dia, yang sa-orang ini pun mēngata kambing dia juga.

MĒRINYU. (*Měmbalas tabek*) DOLLAH *kěmudian měmandang kapada CHIK*). Ini kambing awak?

CHIK. Ya, ěnche'.

MĒRINYU. Apa tanda-nya?

CHIK. Ta' dapat saya měmběri apa-apa tanda-nya, ěnche'.

MĒRINYU. (*Kapada MAT*) Awak boleh?

MAT. Boleh, ěnche'.

MĒRINYU. Apa dia tanda-nya?

MAT. (*Měměkapkan muka kambing itu děngan kědua-dua bělah tangan-nya*) Kalau kambing ini bětul kambing awak, mata-nya sa-bělah mana yang buta?

CHIK. Mata kiri.

MAT. Bukan.

CHIK. Ya, saya salah. Mata kanan-nya.

MAT. Tidak juga. Kambing ini tidak buta. (*Sambil měngangkal kědua bělah tangan-nya dari muka kambing itu*).

MĒRINYU. Mari saya pěreksa kambing ini. (*Lalu di-pěreksa-nya muka kambing itu*). Ya,

awak bětul. Kambing ini tidak buta. Bětul awak-lah tuan-nya. Bawa-lah pulang. (*Kapada CIUK*) Awak patut kěna pěnjara. Sa-kali ini saya ma'afkan. Pěrgi-lah balek.

CIUK masok dahulu kěmudian MAT běrsama-sama děngan kambing-nya.

KAMBING. Be-h-h-h-h-h!

TIRAI JATOH

KUCHING DI-NEGERI MELAYU

*(Mēngapa kuching di-nēgēri Mēlayu ekor-nya
bērsimpul)*

PÉLAKUN-NYA:—

SANG PAHLAWAN—*harimau*

SANG KUCHING

SANG KANCHIL

MASA-NYA: Zaman dahulu.

TĒMPAT-NYA: Di-suatu gua tēmpat
linggal harimau dalam hutan.

HARIMAU *sēdang tidor. Kēmudian ia ba-
ngun dan mēnggēliat.*

HARIMAU. *Sēdap bēnar aku tidor. Matahari
pun sudah hēndak masok. Aku hēndak ka-
sungai pērgi minum. Untong-untong bērjumpa
dēngan kambing atau pēlandok. Bila aku
balek sēkarang aku makan manisan yang aku
dapat pagi tadi. (Bērjalan masok)*

*Ada sa-kēlika lama-nya kēluar sa-ekor
KUCHING.*

KUCHING. *(Bērjalan bērkēliling) Apa ini
agak-nya? Wah! Manisan lēbah! (Di-chē-
chap-nya sadikit. Kēmudian ia dudok mēm-*

basoh mulut-nya) Bukan main manis! (*Ia mēmasang tēlinga lalu kēdēngaran oleh-nya bunyi HARIMAU balek. KUCHING itu kēlakutan*) Harimau!

KUCHING itu masok dan HARIMAU kēluar.

HARIMAU. Aku hēndak makan manisan sēkarang. (*Di-dapati-nya manisan-nya lēlah hampir habis. Ia mēngaum*) Manisan aku sudah di-churi orang! Manisan aku sudah di-churi orang!

SANG KANCHIL kēluar.

KANCHIL. Mēngapa, Sang Pahlawan?

HARIMAU. Ēngkau tidak dēngar aku mēngaum? Manisan aku sudah di-churi orang.

KANCHIL. Aku tidak tahu harimau ada manisan. Aku sangka lēbah sahaja ada manisan.

HARIMAU. Memang-lah lēbah sahaja ada manisan. Manisan itu aku churi tadi. Payah bēnar aku mēmanjat pokok itu mēngambil-nya.

KANCHIL. Kasehan!

HARIMAU. Kasehan! Bukan main pēnat aku mēmanjat. Aku tērpaksa chērmat supaya jangan kēna sēngal. Sēkarang manisan itu sudah kēna churi pula. Apa aku hēndak buat-kan?

KANCHIL. Mengapa engkau tidak pagar tinggi-tinggi di-hadapan gua engkau itu?

HARIMAU. Betul kata Sang Kanchil. Terima kaseh, Sang Kanchil.

SANG KANCHIL masok. HARIMAU itu pun mēngumpulkan kayu hēndak mēmbuat pagar, tēlapi di-tinggalkan-nya sa-buah lubang kēchil di-bawah pagar itu.

HARIMAU. Pagar sudah siap! Boleh-lah aku pērgi mēnchari rēzēki sēkarang.

HARIMAU pun masok. KUCHING kēluar dan bērdiri di-luar pagar itu.

KUCHING. Wah! Sudah bērpagar sēkarang. Macham mana aku hēndak mēngambil manisan lagi? (*Ia bērjalan pērgi balek mēnchari lubang. Lama-lama nampak oleh-nya sa-buah lubang kēchil*) Ini pun dia lubang! Sa-elok-elok muat ekor aku. Kalau bagitu biar aku julorkan ekor aku sampai ka-tēmpat manisan itu. (*Di-julorkan-nya ekor-nya di-chēlah lubang itu lalu masok ka-tēmpat manisan itu. Sa-kētika di-tarek-nya balek lalu di-jilat-nya manisan yang mēlēkal pada hujung ekor-nya itu. Di-pērbuat-nya dēmikian bēbērapa kali*) Amboi sēdap-nya manisan ini! Sang Pahlawan tēntu akan marah apabila mēlihat manisan-nya kurang. Biar aku lari chēpat.

KUCHING *masuk.* HARIMAU *kěluar.*

HARIMAU. Aku hěndak makan manisan sěkarang. (*Ia měmbuka pintu kěchil pagar itu lalu masuk. Di-dapati-nya manisan-nya lělah tinggal sadikit jua. Ia měngaum*). Manisan aku sudah tinggal sadikit! Siapa měnchuri-nya? Sang Kanchil! Oh Sang Kanchil!

SANG KANCHIL *kěluar.*

SANG KANCHIL. Kěna apa, Sang Pahlawan?

HARIMAU. Manisan aku sudah hampir habis kěna makan. Siapa-lah yang měnchuri-nya? Sa-orang pun tidak lěpas masuk ka-sini.

SANG KANCHIL. (*Měmandang kapada pagar itu*) Choba pandang, Sang Pahlawan! Itu ada suatu lubang.

HARIMAU. Bětul. Biar aku tutup.

SANG KANCHIL. Nanti dahulu. Aku ada ikhtiar hěndak měnangkap Si-pěnchuri itu. Pěrgi-lah Sang Pahlawan masuk ka-dalam. Baring děkat lubang itu, kěmudian pěrhatikan siapa yang datang.

HARIMAU. Baik-lah. Bětul kata Sang Kanchil itu. Manisan pun ada tinggal sadikit lagi.

HARIMAU *dudok měngintai.* SANG KANCHIL *masuk.* SANG KUCHING *datang di-luar pagar itu.*

KUCHING. Aku hendak makan manisan. (*Di-julorkan-nya ekor-nya di-chelah lubang itu*)

HARIMAU. (*Nampak ekor KUCHING itu liang liok masok di-chelah lubang itu*) Ular rupanya! KUCHING itu menarek ekor-nya balek lalu menjilat akan manisan yang melekat di-hujung ekor-nya itu. Kemudian di-julorkannya sa-mula.) Kuching rupanya! Itu dia ekor-nya. (*Di-pegang-nya ekor KUCHING itu lalu di-simpulkan-nya hujung-nya*) Sang Kuching, ini suatu pengajaran! Lain kali engkau ta' mahu lagi menchuri manisan aku.

KUCHING. Miau! Miaauu! Miaaauuu! (*Di-tarek-nya kuat-kuat ekor-nya keluar. Lama-lama dapat-lah di-keluarkan-nya*) Ekor aku sudah bersimpul, ekor aku sudah bersimpul! (*Di-choba-nya menghuraikan simpulan itu*) Ta' boleh aku bukakan simpul-nya. Sampai bila-bila-lah ekor aku ini bersimpul.

TIRAI JATOH

KĒDAI TUKANG JAHIT

PĒLAKUN-NYA:—

'ABDULLAH—*Tukang Jahit.*

TIMAH—*Istĕri-nya.*

AHMAD }
YA'AKUB } — *Orang-orang dalang mĕmbĕli.*

'ALI—*Anak Tukang Jahit.*

MASA-NYA: *Zaman sĕkarang.*

TĒMPAT-NYA: *Di-sa-buah kĕdai Tukang Jahit.*

TUKANG JAHIT *lĕngah mĕnjahit. Kĕluar AHMAD.*

'ABDULLAH. Sila ĕnche', sila masok! Apa hajat?

AHMAD. Saya hĕndak mĕnĕmpah baju sa-pasang.

'ABDULLAH. Boleh. Kain apa ĕnche' suka, puteh-kah atau kuning?

AHMAD. Saya suka puteh.

'ABDULLAH. Bĕrapa pasang ĕnche' 'nak tĕmpah?

AHMAD. Sa-pasang jadi-lah dahulu.

'ABDULLAH. Kalau sa-pasang sahaja ta' ada bĕrganti-ganti lĕkas-lah koyak-nya. Saya pantas mĕnjahit. Kalau tiga pasang dua hari sahaja siap.

AHMAD. Bĕrapa harga-nya sa-pasang?

'ABDULLAH. Ta' mahal. Empat ringgit sa-tĕngah sahaja sa-pasang, ĕnche'.

AHMAD. Baik-lah. Buatlah saya tiga pasang.

TUKANG JAHIT *mĕngambil lali pĕngukor, kĕrtas dan pencil-nya lalu mĕngukor AHMAD sambil bĕrchakap.*

'ABDULLAH. Sĕnang mĕmbuat baju ĕnche' ini. Badan ĕnche' tidak gĕmok tidak kurus, sĕdĕrhana sahaja.

'ALI *kĕluar. Ia sĕdang makan sa-potong nĕnas. 'ALI budak kĕchil bĕnar lagi.*

AHMAD. Anak-kah budak ini?

'ABDULLAH. Ya, anak saya. Saya ada ĕmpat orang anak laki-laki. Yang tua mĕnolong saya. Baharu sa-kĕjap dia kĕluar mĕnghantar baju orang.

AHMAD. Anak yang lain-lain itu apa kĕrja-nya?

'ABDULLAH. Dua orang bĕrsĕkolah. Yang ini kĕchil bĕnar lagi 'nak di-hantar ka-sĕkolah. Ia gĕmar main-main dalam kĕdai ini.

'ALI masok lalu bërdiri di-kaki lima kĕdai itu mĕmĕrhatikan kĕreta-kĕreta yang lalu lalang di-jalan raya. TIMAH kĕluar dari bĕlakang kĕdai itu.

TIMAH. Mana Si-'Ali?

'ABDULLAH. Dia di-luar mĕmĕrhati kĕreta-kĕreta yang lalu lalang itu.

TIMAH. 'Ali! 'Ali!

AHMAD. Ta' dĕngar dia. Kĕreta-kĕreta bising sangat di-luar itu.

TIMAH. Saya takut dia kĕna langgar kĕreta. Nanti dia mati. 'Ali! 'Ali!

'ABDULLAH. Esok siap-lah baju ĕnche'. Datang-lah ĕnche' ambil.

AHMAD. Baik-lah, pukul lima pĕtang esok saya datang.

TIMAH masok. Sa-kĕtika ia kĕluar balek mĕnghela Si-'Ali sĕrta mĕnampar dia.

TIMAH. Bĕrapa kali ĕmak panggil 'kau, tidak juga 'kau masok. (*Di-tampar-nya budak itu lagi*)

'ALI. (*Mĕnangis*). Bu-hu-hu-hu-hu.

TIMAH mĕnghela dia ka-bĕlakang kĕdai.

'ABDULLAH. Sĕkarang di-pujok-nya-lah budak itu dĕngan gula-gula, baharu budak itu diam. Ibu sĕlalu macham itu.

AHMAD. Ya. 'Mak saya pun bagitu juga masa saya kĕchil kĕlmarin. Biar saya balek dahulu. Esok saya datang.

'ABDULLAH. Sĕlamat jalan, ĕnche'.

AHMAD. Sĕlamat tinggal.

AHMAD masok. 'ABDULLAH mĕmulaĭ mĕng-gunting kain hĕndak buat baju. Kĕluar YA'AKUB: YA'AKUB ini bĕsar panjang sĕrla gĕmok orang-nya.

'ABDULLAH. Sila masok ĕnche, sila.

YA'AKUB masok ka-dalam kĕdai.

'ABDULLAH. Apa hajat, ĕnche'?

YA'AKUB. Saya hĕndak tĕmpah baju puteh sa-pasang. Bĕrĕpa harga-nya?

'ABDULLAH. Murah sahaja, lima ringgit sa-tĕngah, ĕnche'.

YA'AKUB. Hai baharu tadi Che' Mat buat ĕmpat ringgit sa-tĕngah. Saya mĕngapa pula lima ringgit sa-tĕngah?

'ABDULLAH. Badan ĕnche' ini bĕsar: banyak pakai kain. Rugi-lah saya kalau saya bĕri ĕnche' lĕbeh murah.

YA'AKUB. Baik-lah, buatlah saya sa-pasang'

'ABDULLAH. Těrima kaseh, ěnche'. Mari saya ukor badan ěnche'.

Ia pun mĕngambil tali pĕngukor, pencil dan kĕrtas-nya lalu mĕngukor akan badan YA'AKUB.

YA'AKUB. Tolong buatlah pinggang sĕluar itu bĕsar sadikit. Saya gĕmok, makan pun kuat juga.

'ABDULLAH. Baik-lah, boleh saya buatlah bĕsar-bĕsar dan jahit kuat-kuat. Nanti saya pasangkan butang yang kokoh-kokoh.

'ALI kĕluar mĕmĕgang sa-kĕral tĕbu. Ia tĕrchĕngang mĕmandang badan YA'AKUB. Ia mĕngangkat tangan-nya ka-alas mĕngajakkan badan YA'AKUB itu gĕmok sĕraya tĕrtawa.

'ABDULLAH. Apa kĕna?

YA'AKUB. Dia tĕrtawakan saya gĕmok.

'ABDULLAH. Jangan buat bagitu 'Li. Nanti orang kata 'kau jahat.

YA'AKUB. Biar-lah. Dia budak, bĕlum tahu bahasa. Kalau dia sudah chukup 'akal, tĕntu dia la' mahu buat bagitu.

'ABDULLAH. Che' 'Mah!

Kĕluar TIMAH.

'ABDULLAH. Bawa 'Ali masuk. Dia nakal sangat.

TIMAH. 'Ali, 'Ali! Mengapa 'kau nakal. Tadi 'kau keluar di-jalan, nyaris lagi kena langgar kereta. Sekarang 'kau masuk ka-kedai buat nakal pula. Bila 'kau besar entah macham mana-lah jahat-kau. Apa-lah saya 'nak buat?

(Di-marahkan-nya 'ALI. Sambil ia menarek 'ALI masuk sambil ia berchakap).

'ALI. *(Menangis)* Bu-hu-hu-hu.

YA'AKUB. Kasihan saya budak itu kena pukul.

'ABDULLAH. Ta' mengapa. Ta' lama 'karang emak-nya pujok-iah dia. Suka-lah ia balek.

YA'AKUB. Semua ibu memang macham itu.

TIRAI JATOH

LĒBAH DĒNGAN KĒRBAU

PĒLAKUN-NYA:—

AHMAD
ĒMAK-NYA
KĒRBAU
MONYET
LĒBAH
KAMBING

MASA-NYA: Zaman sĕkarang.

TĒMPAT-NYA: Di-sa-buah sawah di-
Mĕlaka.

*AHMAD dan ĒMAK-nya tĕngah dudok di-tĕpi
sa-buah sawah.*

ĒMAK. Mat! Bukan main chantek padi kita.

AHMAD. Ya 'mak. Bila kĕna chahaya, macham
ĕmas rupa-nya.

ĒMAK. Bĕtul chakap ĕngkau itu, Mat. Padi itu
memang ĕmas-lah kapada kita. Bila bapa
ĕngkau balek sĕkarang boleh kita tuai. Ēngkau
dudok sini halau burong, jangan bĕri ia makan
padi kita.

AHMAD. Baik-lah 'mak, nanti saya jaga baik-
baik.

ĒMAK-nya pulang. AHMAD bērjalan pērgi balek dalam sawah itu. Kēluar sa-ekor KĒRBAU mēmakan padi itu.

AHMAD. Sioh kērbau! Sioh kērbau! Pērgi ēngkau!

KĒRBAU itu mēmandang kapada AHMAD sa-bēntar kēmudian ia lērus makan juga. AHMAD pun mēnangis. Kēluar sa-ekor MONYET.

MONYET. Kasehan budak itu! Hei, budak, mēngapa ēngkau mēnangis?

AHMAD. Kērbau itu makan padi aku.

MONYET. Jangan-lah mēnangis. Nanti aku halaukan dia. (Kapada KĒRBAU) Hush kērbau! Pērgi ēngkau dari sini.

KĒRBAU mēmandang kapada MONYET itu sa-bēntar kēmudian ia makan juga. MONYET dan AHMAD mēnangis. Kēluar sa-ekor KAMBING.

KAMBING. Mēngapa ēngkau kēdua mēnangis?

MONYET. Aku mēnangis sēbab kawan aku Si-Ahmad ini mēnangis.

AHMAD. Aku mēnangis sēbab padi aku di-makan oleh kērbau itu.

KAMBING. Jangan mēnangis, biar aku halaukan dia. Shoh kērbau! Pērgi ēngkau dari sini.

KERBAU itu memandang sahaja kepada KAMBING itu. Tidak juga ia mahu pergi melainkan ia lerus makan juga. KAMBING, MONYET dan AHMAD menangis juga. Keluar sa-ekor LEBAH.

LEBAH. Mengapa kawan-kawan aku semua menangis ini?

KAMBING. Aku menangis sebab kawan aku monyet ini menangis.

MONYET. Aku menangis sebab kawan aku Ahmad ini menangis.

AHMAD. Aku menangis sebab kerbau itu makan padi aku.

LEBAH. Jangan menangis. Nanti aku halaukan dia. (LEBAH itu sering lalu masuk ka-dalam telinga kiri KERBAU itu) Pergi engkau dari sini! (Ia terbang pula lalu masuk ka-dalam telinga kanan KERBAU itu) Pergi engkau dari sini! (Ia terbang lagi lalu hinggap di-atas hidong KERBAU itu lalu di-sengat-nya).

KERBAU. Wak, Wak! (KERBAU mengangkat ekor-nya lalu menghembor lari)

AHMAD. Terima kasih banyak-banyak, Sang Lebah, kerana menolong saya.

LEBAH. Terima kasih sama-sama. Lain kali kalau hendak minta tolong panggil-lah aku, aku sedia menolong engkau.